

Dasar Perlindungan Data Peribadi dan Notis Privasi PNB

1. Pengenalan

- 1.1 Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran: 197801001190 (38218-X)) ("PNB" atau "kami") mengiktiraf kepentingan privasi dan sensitiviti keseluruhan data dan maklumat peribadi anda ("Data Peribadi"). Istilah "anda" merujuk kepada semua pelanggan, pelawat dan pengguna laman web ini.
- 1.2 Seperti yang dikehendaki di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta"), tujuan Dasar Perlindungan Data Peribadi ("Dasar") dan Notis Privasi adalah sebagai pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan di bawah Akta dan hendaklah dibaca pada setiap masa dan dirujuk sebagai notis rasmi PNB dalam menerangkan bagaimana kami mengurus, melindungi, mengumpul dan memproses Data Peribadi anda.
- 1.3 Privasi anda adalah amat penting bagi kami dan mengekalkan kepercayaan dan keyakinan anda terhadap produk dan perkhidmatan kami adalah salah satu keutamaan kami. Kami komited untuk memastikan bahawa privasi Data Peribadi anda serta data lain yang berkenaan yang telah anda dedahkan atau sedang diselenggara oleh kami, adalah dilindungi dan dijaga pada setiap masa.

2. Pengumpulan Data Peribadi

- 2.1 Kami mengumpul Data Peribadi anda melalui pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - i. secara langsung daripada anda atau dengan kebenaran anda;
 - ii. semasa anda melawat laman web kami;
 - iii. semasa anda mendaftar di laman web kami dan/atau di platform digital atau dalam talian kami termasuk aplikasi peranti mudah alih kami ('Apps') dan/atau semasa anda menggunakan perkhidmatan kami (sekiranya berkenaan);
 - iv. semasa anda berinteraksi dan berkomunikasi dengan kami, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada, melalui panggilan telefon (yang mungkin dirakam), surat, faksimili, pertemuan bersemuka, platform media sosial dan/atau e-mel;
 - v. semasa anda menggunakan perkhidmatan elektronik kami atau berinteraksi dengan kami melalui aplikasi kami atau penggunaan perkhidmatan kami di laman web kami dan/atau platform digital lain. Ini termasuk, tanpa had, melalui kuki (cookies) yang mungkin kami gunakan apabila anda berinteraksi dengan aplikasi dan/atau laman web kami;
 - vi. semasa anda memberikan perkhidmatan kepada kami termasuk sebagai sebahagian daripada hubungan perniagaan atau kontrak;
 - vii. semasa anda memberikan maklum balas atau aduan kepada kami;
 - viii. semasa kami mengumpul data daripada sumber pihak ketiga dan/atau pangkalan data awam; dan/atau
 - ix. daripada sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

Perkara di atas adalah tidak muktamad dan hanya menetapkan beberapa contoh biasa apabila Data Peribadi anda mungkin dikumpul.

- 2.2 Data Peribadi yang dikumpul secara amnya merangkumi sebarang data, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- i. nama, alamat tempat tinggal, alamat e-mel, nombor telefon (termasuk telefon bimbit), tarikh lahir, umur, jantina, bangsa, agama, nombor Kad Pengenalan, tandatangan, pekerjaan, pendapatan bulanan serta maklumat kewangan seperti nama bank dan nombor akaun bank;
- ii. maklumat peribadi yang dikumpul daripada penyerahan resume anda atau sebarang butiran yang diberikan kepada kami untuk permohonan pekerjaan, latihan amali, penempatan latihan sangkutan, tugas, dipinjamkan, latihan, biasiswa atau tujuan lain yang berkaitan;

- iii. maklumat peribadi yang dikemukakan sekiranya anda mengambil bahagian dalam sebarang kaji selidik, pertandingan dan/atau peraduan yang dikendalikan oleh kami;
- iv. sebarang komen, maklum balas, aduan dan/atau mesej yang dihantar melalui , e-mel, perbualan telefon, faks atau pos dan/atau melalui platform dalam talian kami seperti laman web, media sosial dan/atau aplikasi peranti mudah alih (Apps) termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi seperti nama, e-mel, alamat, nombor telefon dan/atau maklumat kewangan; dan/atau
- v. Data Peribadi lain yang mungkin diperlukan dari semasa ke semasa untuk operasi perniagaan kami.

3. Penggunaan Data Peribadi

- 3.1 Data Peribadi dihimpun dan dikumpul daripada anda akan digunakan bagi tujuan berikut:
- i. untuk melaksanakan obligasi kami yang timbul daripada sebarang perjanjian atau kontrak yang telah dimeterai antara anda dan PNB atau kumpulan syarikat kami.
 - ii. untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang sedia ada.
 - iii. untuk menyediakan statistik atau menjalankan penyelidikan dalam perniagaan kami dan untuk mematuhi peraturan dan setiap permintaan yang diterima secara dalaman atau daripada pihak berkuasa kawal selia atau institusi kewangan mengenai pemeriksaan latar belakang dan keselamatan.
 - iv. untuk menyediakan dan melaksanakan dokumen undang-undang berkaitan.
 - v. untuk menyediakan apa-apa Data Peribadi yang anda minta daripada kami atau yang pada pandangan kami mungkin memberi manfaat kepada anda.
 - vi. untuk memproses pembayaran dan mematuhi kewajipan perakaunan dan cukai kami.
 - vii. untuk tujuan pentadbiran.
 - viii. untuk mematuhi kewajipan kami mengenai keselamatan dan akses dalam PNB atau kumpulan syarikat kami bagi tujuan melindungi maklumat atau data daripada sebarang capaian yang tidak dibenarkan.
 - ix. untuk menyiasat aduan dan transaksi yang disyaki mencurigakan.
- 3.2 Penyediaan Data Peribadi anda adalah perlu kepada kami. Jika anda tidak memberikan Data Peribadi anda untuk digunakan bagi tujuan yang dinyatakan di sini, kami mungkin tidak dapat memenuhi mana-mana atau semua fungsi yang dinyatakan di atas, atau dalam beberapa kes, mungkin tidak dapat meneruskan hubungan anda dengan kami.

4. Pendedahan Data Peribadi

- 4.1 Kami tidak akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga melainkan setelah mendapat persetujuan dan kebenaran anda.
- 4.2 Anda juga bersetuju bahawa kami dibenarkan untuk berkongsi Data Peribadi anda dalam kalangan kumpulan syarikat dan ejen kami yang dilantik oleh kumpulan syarikat kami (yang telah bersetuju untuk melindungi Data Peribadi) dalam menjalankan perniagaan kami tetapi hanya dalam keadaan di mana perkongsian Data Peribadi tersebut mematuhi undang-undang, mana-mana perjanjian yang ditandatangani antara kami dan ejen yang dibenarkan dan berdasarkan dasar dan amalan kami.
- 4.3 Dari semasa ke semasa, kami mungkin membuat perjanjian dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga, dalam dan luar Malaysia, bagi penyediaan “*Cloud Services*” dan perkhidmatan lain kepada kami. Bagi tujuan tersebut , kami perlu berkongsi Data Peribadi anda dengan pembekal perkhidmatan pihak mereka Di bawah perjanjian ini, kami hanya memberikan kepada pembekal perkhidmatan kami Data Peribadi yang diperlukan untuk membolehkan mereka menyediakan perkhidmatan dan kami meminta Pembekal perkhidmatan pihak ketiga tersebut melindungi kerahsiaan Data Peribadi dan tidak menggunakan bagi tujuan lain.

“*Cloud Services*” bermaksud ketersediaan atas permintaan sumber sistem komputer, terutamanya storan data dan sumber pengkomputeran (cth., kuasa pengkomputeran, rangkaian, pelayan, storan, aplikasi dan perkhidmatan) yang disediakan oleh Pembekal

“Cloud Services” yang boleh diperuntukkan dengan pantas dan dikeluarkan dengan usaha pengurusan yang minimum atau interaksi penyedia perkhidmatan.

- 4.4 Kami mungkin juga dikehendaki untuk mendedahkan atau memindahkan Data Peribadi anda ke luar Malaysia dan kepada pihak ketiga untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini. Pemindahan Data Peribadi anda ke luar Malaysia juga diperlukan sekiranya anda melancong, tinggal atau berpangkalan di luar Malaysia.
- 4.5 Dengan meneruskan untuk melibatkan diri dengan kami, anda dianggap telah bersetuju dengan ‘Penggunaan Data Peribadi’ yang dinyatakan dalam Klausula 3 dan ‘Pendedahan Data Peribadi’ yang dinyatakan dalam Klausula 4 ini.
- 4.6 Tanpa mengira peruntukan am dalam Notis Privasi ini, kami boleh mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga sekiranya pendedahan tersebut:
 - i. adalah sebagai mematuhi mana-mana perintah kehakiman atau keperluan undang-undang;
 - ii. diminta atau dibenarkan oleh anda; dan/atau
 - iii. dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang.

5. Keselamatan Data Peribadi

- 5.1 Kami komited untuk memastikan Data Peribadi anda dilindungi . Kami mempunyai prosedur fizikal, teknikal dan pentadbiran yang bersesuaian untuk melindungi Data Peribadi anda daripada kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahan. Kami sedaya upaya memastikan semua privasi Data Peribadi disimpan dengan selamat. Namun, kami tidak menjamin Data Peribadi anda tidak akan didedahkan melalui cara yang tidak konsisten dengan Dasar dan Notis Privasi ini disebabkan oleh perbuatan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang oleh pihak ketiga.

6. Penyimpanan Data Peribadi

- 6.1 Data Peribadi anda hendaklah disimpan di dalam server dan di tempat simpanan sewajarnya yang diselenggara/disediakan oleh kami. Tempoh penyimpanan Data Peribadi anda adalah berbeza-beza bergantung kepada jenis dokumen dan disimpan mengikut dasar dan prosedur penyimpanan rekod kami.

7. Ketepatan Data Peribadi

- 7.1 Kami mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan Data Peribadi anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.
- 7.2 Sila pastikan ketepatan dan kesempurnaan semua Data Peribadi yang anda dedahkan atau kongsikan. Sila kemas kini dan maklumkan kepada kami secara bertulis tentang sebarang perubahan Data Peribadi anda.
- 7.3 Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai Data Peribadi anda, sila hubungi atau e-mel kami di nombor dan alamat yang dinyatakan dalam Klausula 8 di bawah.

8. Akses kepada Data Peribadi

- 8.1 Anda mempunyai hak untuk mengakses Data Peribadi anda yang disimpan oleh kami dan anda diminta meminta untuk mengemaskini atau membuat pembetulan Data Peribadi yang tidak tepat atau mengelirukan.

- 8.2 Sekiranya anda memohon untuk mengakses Data Peribadi anda atau untuk membuat pembetulan atau jika anda ingin menarik balik persetujuan anda bagi pemprosesan Data Peribadi seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3, anda boleh mengemukakan permintaan secara bertulis ke alamat berikut:

Permodalan Nasional Berhad
Tingkat 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur, Malaysia
E-mel: info@pnb.com.my

9. Pautan Laman Web dan Pindaan kepada Dasar dan Notis Privasi

- 9.1 Jika anda dipautkan ke laman web pihak ketiga daripada platform dalam talian kami, sila semak Dasar dan Notis Privasi yang relevan yang disiarkan di laman web tersebut. Kami berhak untuk membuat perubahan kepada Dasar dan Notis Privasi ini dan perubahan tersebut akan disiarkan dengan sewajarnya. Penggunaan berterusan perkhidmatan dan laman web PNB oleh anda adalah dianggap sebagai penerimaan dan persetujuan anda terhadap pindaan Dasar dan Notis Privasi tersebut.

10. Bahasa

- 10.1 Selaras dengan Seksyen 7(3) Akta, Dasar dan Notis Privasi ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- 10.2 Sekiranya terdapat percanggahan antara dua (2) versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.